

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## Nasional

Penularan coronavirus

# Dua lagi individu disah positif

Satu kes babit warga tempatan tak pernah ke China

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mengesahkan dua lagi individu dikesan positif coronavirus baharu (2019-nCoV) termasuk satu kes membabitkan warga tempatan yang tidak pernah ke China.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes pertama membabitkan seorang wanita berusia 40 tahun iaitu adik kepada lelaki tempatan yang sebelum ini dilaporkan positif 2019-nCoV.

Katanya, kes berkenaan disifatkan sebagai kes pertama jangkitan tempatan kerana wanita berkenaan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke China, menjadikan sebanyak 14 kes dilaporkan sehingga hari ini.

"Pada 1 Februari lalu, wanita

terbabit mengalami gejala demam dan sakit tekak sebelum mendapatkan rawatan di klinik swasta pada 4 Februari lalu.

"Sebaik abangnya dikesan positif, Pejabat Kesihatan Kuala Muda, Kedah terus menjejaki wanita terbabit dan beberapa ahli keluarganya yang lain bagi mendapatkan sampel klinikal.

"Ujian pengesanan dan pengesahan bagi kes berkenaan dilaporkan positif semalam. Beliau kini dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan berada dalam keadaan stabil. Seramai 41 lagi ahli keluarga lain yang disaring dilaporkan negatif," katanya kepada pemberita pada sidang media harian mengenai 2019-nCoV, di Kementerianannya di sini semalam.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, kes kedua pula membabitkan pelancong wanita dari Wuhan, China yang berusia 37 tahun.

"Wanita berkenaan tiba di negara ini bersama ibu dan tiga rakannya pada 25 Januari lalu. Mereka dilaporkan turut melawat lokasi pelancongan di sekitar Kuala Lumpur



Dr Dzulkefly pada sidang media di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

"Pada 1 Februari lalu, beliau mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana mengalami gejala demam ringan. Doktor yang merawat membenarkan wanita berkenaan pulang dan dia dibekalkan ubat bagi merawat gejala yang dialami serta menjalani pemantauan di rumah," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, pelancong wanita terbabit bersama kumpulannya diarahkan untuk tidak ke mana-mana bagi menjalani Perintah Pengawasan dan Pemantauan.

"Hasil lawatan oleh pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai mendapati wanita terbabit masih ada gejala dan di-rujuk ke HKL sebelum dilapor-

kan positif semalam dan kini dalam keadaan stabil," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, susulan pertambahan dua kes baharu berkenaan, jumlah kumulatif kes bagi 2019-nCoV yang dilaporkan di negara ini setakat semalam ialah 14 kes.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, remaja warga Kanada yang dilaporkan pengsan di lot parkir pusat beli belah di ibu kota kelmarin, disahkan negatif jangkitan 2019-nCoV.

Katanya, berikutan keputusan itu, remaja berusia 17 tahun berkenaan yang ditempatkan dalam wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL) sudah dibenarkan pulang.

## "Tiada rakyat kita di Wuhan dijangkiti"

**Kuala Lumpur:** Tiada rakyat Malaysia yang berada di China, khususnya Wuhan ketika ini, disahkan positif coronavirus oleh pihak berkuasa kesihatan negara itu.

Duta Besar Malaysia ke China, Raja Datuk Nushirwan Zainal Abidin, berkata berdasarkan rekod pihaknya, tiada rakyat Malaysia yang dijangkiti wabak itu, biarpun sebelum ini dilaporkan dua yang dibawa pulang dari Wuhan, disahkan terkena jangkitan.

"Setahu saya tidak ada," katanya ketika ditanya sama ada dalam kalangan 34 rakyat Malaysia yang masih berada di Wuhan serta wilayah sekitarnya dijangkiti coronavirus.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan mengesahkan dua warga tempatan yang dibawa pulang dari Wuhan, China, melalui Misi Bantuan kemanusiaan, dikesan positif jangkitan coronavirus.

Mengulas usaha membawa pulang baki rakyat Malaysia dari

Wuhan, Nushirwan berkata, keputusan berkaitan sebarang langkah itu akan dibuat Putrajaya.

Setakat ini katanya, kedutaan hanya memantau dan berkomunikasi dengan semua rakyat Malaysia di sana bagi mendapatkan perkembangan terkini termasuk

tahap kesihatan dan keperluan mereka.

"Pihak kedutaan masih berhubung dengari mereka dan sedang mendapatkan butiran rakyat Malaysia lain di kawasan berkenaan (Wuhan).

"Pengumuman sama ada un-

tuk membawa mereka pulang akan dibuat oleh Putrajaya," katanya ketika dihubungi di sini.

Sebelum ini, kira-kira 30 rakyat Malaysia di Wuhan, tidak dapat pulang ke tanah air menerusi bantuan kemanusiaan selepas berdepan masalah logistik.

## GM Klang nafi dakwaan jangkitan coronavirus

**Shah Alam:** Pusat pemborong, GM Klang, menafikan berlakunya jangkitan coronavirus 2019-nCoV di gedung beli-belah itu seperti yang tular menerusi media sosial.

Jabatan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang berkata, perkara itu dipercayai teretus susulan pengumuman bahagian khidmat pelanggannya sebelum ini yang berkongsi mengenai langkah pencegahan coronavirus seperti disyorkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Niat baik itu disalahertikan sesetengah pihak yang beranggapan pengumuman itu dibuat kerana ada kes coronavirus di GM Klang.

"Maklumat palsu disebarkan pihak tidak bertanggungjawab menimbulkan perasaan cemas dan bimbang banyak pihak," kata jabatan itu dalam kenyataan di sini, semalam.

GM Klang memandang serius penyebaran berita palsu seumpama itu kerana ia mencemar kredibiliti dan mengganggu aktiviti perniagaan gedung beli-belah berkenaan.

Justeru katanya, GM Klang membuat aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isu itu supaya siasatan dijalankan serta tindakan susulan dikenakan terhadap penyebar maklumat palsu berkenaan. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 55

RUANGAN : DUNIA

BH JUMAAT, 7 FEBRUARI 2020

Dunia

55



Penularan coronavirus

## WHO siasat sidang niaga di Singapura

Peserta persidangan dikesan menunjukkan gejala jangkitan

Singapura: Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) sedang meniasat kes tiga pekerja sebuah syarikat multinasional yang menyertai persidangan dengan lebih 100 kakitangan pelbagai negara di Singapura, ekoran kebimbangan penularan penyakit coronavirus.

Ia berikutan Malaysia dan Korea Selatan sudah mengesahkan tiga kes jangkitan virus itu, dikaitkan dengan persidangan 94 kakitangan syarikat multinasional terbabit di Hotel Grand Hyatt.

Sementara itu, Singapura kemasin mengesahkan empat lagi peserta persidangan itu dikesan menunjukkan gejala jangkitan.

Bagaimanapun, pihak berkuasa enggan mendedahkan nama syarikat multinasional terbabit, mahupun perniagaan yang mereka jalankan.

Jurucakap WHO, Olivia Law-Davies, berkata pihaknya sedang berhubung dengan Kementerian Kesihatan negara terbabit dan turut menjangkakan lebih

banyak jangkitan berikutan semua negara meningkatkan tahap pemantauan.

Sidang perniagaan di Singapura itu membuktikan bahawa coronavirus mampu tersebar melalui perhubungan antara manusia di luar China dan hakikat itu membimbangkan WHO kerana ia berkemungkinan menandakan penularan yang semakin meluas.

Kementerian Kesihatan Malaysia adalah pihak berkuasa pertama mendedahkan hubungkait pertemuan perniagaan di Singapura itu apabila mengesahkan kes rakyat Malaysia berusia 41 tahun yang menghadiri program berkenaan, bersama rakan perniagaan dari China.

Korea Selatan kemudiannya mengesahkan dua kes rakyatnya yang turut menghadiri persidangan itu dan kedua-duanya dikesan berkongsi meja bufet makanan ketika dalam program itu.

Setakat ini, Singapura sudah merujuk empat daripada 15 individu menghadiri persidangan itu ke Pusat Jangkitan Penyakit Kebangsaan dan Menteri Kesihatan negara itu mengesahkan, semua yang menghadiri persidangan terbabit sudah pulang ke negara masing-masing.

Setakat ini, Singapura melaporkan 28 kes coronavirus, termasuk yang membabitkan jangkitan daripada manusia kepada manusia. REUTERS

Jumlah kematian disahkan akibat coronavirus di China meningkat.

## Perjumpaan pakar perangi wabak

Geneva: Ratusan pakar akan bertemu di Geneva pada 11 hingga 12 Februari ini untuk menetapkan keutamaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) memerangi wabak coronavirus.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, penetapan keutamaan R&D itu membabitkan aspek ubat, diagnostik dan vaksin.

"Tiada terapeutik (strategi rawatan) berkesan yang sudah terbukti untuk novel coronavirus," kata pengarah eksekutif program kecemasan WHO, Dr Mike Ryan, pada sidang media.

Ahli epidemiologi WHO, Dr Maria van Kerkhove, berkata peserta merangkumi pakar dalam penyelidikan dan siasatan klinikal terhadap sumber virus daripada sebuah pasar di Wuhan, China.

"Kami mahu membawa mereka yang ada pengetahuan terbaik dan pengalaman untuk melaksanakan agenda penyelidikan komprehensif mengenai coronavirus," katanya.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus pula memaklumkan bahawa sebuah pasukan multinasional diketuai pertubuhan itu akan ke China tidak lama lagi.

"Pasukan ini akan bekerjasama dengan pihak berkuasa negara terbabit dalam usaha menangani wabak berkenaan. REUTERS

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6


RUANGAN : LOKAL



# Dua lagi positif

Wanita adik mangsa pertama sebelum ini sah dijangkiti virus

ORANG ramai memakai topeng penutup mulut dan hidung sebagai langkah berjaga-jaga berikutan penularan jangkitan koronavirus ketika tinjauan di sekitar Bangunan Sultan Iskandar (BSI), semalam.



Oleh Amir Abd Hamid  
amir\_hamid@mediapri-  
ma.com.my

## Putrajaya

**K**ementerian Kesihatan mengesahkan dua lagi mangsa dikesan positif wabak koronavirus baharu (2019-nCoV) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 14 kes semalam.

Ini termasuk kes pertama membabitkan warga tempatan yang tidak pernah ke China.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata, kes itu membabitkan wanita berusia 40 tahun iaitu adik lelaki warga

## Remaja Kanada pengsan bebas jangkitan

**Putrajaya:** Remaja perempuan warga Kanada yang dilaporkan pengsan di lot parkir pusat beli-belah di ibu kota kelmarin, disahkan bebas daripada jangkitan koronavirus baharu (2019-nCoV).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata, berikutan itu remaja berusia 17 tahun yang ditempatkan di wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL) dibenarkan pulang.

"Ini berita gembira, dia (pengsan) bukan disebabkan koronavirus dan kini dibenarkan pulang," katanya di kementerianya di sini, semalam.

tempatan yang dilaporkan positif koronavirus sebelum ini.

Beliau berkata, mengikut pecahan, enam kes daripadanya dalam kalangan *Patient-Under-Investigation*

(PUI) jangkitan virus itu, enam lagi kalangan kontak rapat dan dua kes membabitkan rakyat Malaysia yang dibawa pu-

lang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan dari Wuhan, China, 4 Februari lalu.

"Daripada jumlah itu, 10 kes babit warga China, manakala empat lagi warganegara Malaysia.

"Untuk tempoh 10 Januari 2020 sehingga jam 10 pagi, 6 Februari 2020 (semalam), jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 290 mangsa.

"Daripada jumlah itu, 188 warganegara Malaysia, 95 warga China dan ma-

sing-masing satu warganegara Australia, Republik Korea, Jordan, Brazil, Kanada, Bangladesh dan Thailand.

"Enam kes disahkan positif, 277 kes adalah negatif dan tujuh kes masih menunggu keputusan makmal," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 25 kontak rapat baharu kepada kes koronavirus dilaporkan sehingga semalam.

Sementara itu masyarakat beragama Hindu yang bakal menyambut perayaan Thaipusam Sabtu hujung minggu ini, katanya, disaran mengikut nasihat KKM.

"Sambutan Thaipusam di Batu Caves dijangka menerima kunjungan ribuan penganut serta pelawat dari dalam dan luar negara.

"Sehubungan itu, KKM menasihatkan penganut serta pengunjung mengambil langkah pencegahan awal dengan mengutamakan kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun, atau *hand sanitizer* serta memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) bagi mengelak dijangkiti 2019-nCoV.

Jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 290 mangsa

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 12  
 RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

12

## ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

JUMAAT 7 FEBRUARI 2020 • SINAR HARIAN

Laporan TUAN BUQHAI RAH TUAN MUHAMAD  
ADNAN, LISSA KAMAL dan NURUL HUDA HUSAIN

# Dua lagi disahkan positif



FOTO: BERNAMA

Dr Dzulkefly pada sidang media memaklumkan mengenai perkembangan terkini wabak koronavirus di Putrajaya semalam.

KKM sahkan dua kes baharu koronavirus menjadikan 14 kes di Malaysia setakat ini

### PUTRAJAYA

**A**dik kepada lelaki pertama positif koronavirus melibatkan rakyat Malaysia disahkan dijangkiti virus berkenaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, seorang pelancong dari Wuhan, China yang memasuki negara ini bersama ibu dan tiga rakannya pada 25 Januari lalu turut disahkan positif.

"Ini menjadikan jumlah positif koronavirus sebanyak 14 kes melibatkan 10 warga China dan empat rakyat tempatan," katanya di sini semalam.

Menurutnya, bagi kes adik kepada lelaki itu, pesakit ditempatkan di wad isolasi Hospital Sultanah Bahiyah Alor, Kedah.

"Ujian pengesanan semalam (kelmarin) mengesahkan wanita yang berusia 40 tahun itu positif koronavirus," katanya.

Beliau berkata, pesakit tersebut mempunyai kontak langsung dengan abangnya yang pulang menyambut Tahun Baru Cina di kampungnya di Alor Setar pada 23 Januari yang lalu.

"Dia mengalami gejala demam dan sakit tekak pada 1 Februari 2020 kemudian batuk empat hari kemudian," katanya.

Sementara itu, dalam kes ke-14 yang melibatkan pelancong dari Wuhan, Dr Dzulkefly berkata, wanita berusia 37 tahun terabit dimasukkan ke wad isolasi Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Ibu dan rakan-rakannya diarah men-

jalani Perintah Pengawasan di rumah dan Pusat Kesihatan Daerah Lembah Pantai mengawasi mereka," katanya.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly turut menasihati orang ramai yang meraikan sambutan Thaipusam pada Sabtu ini supaya mengambil langkah pencegahan. "Mereka yang tidak sihat tidak digalakkan untuk mengambil bahagian.

"Sekiranya perlu hadir, sila gunakan topeng muka," katanya yang turut menasihati agar orang ramai mengutamakan kebersihan diri.

Sementara itu, Dr Dzulkefly mengesahkan warga Kanada yang dilapor tinggal di lot parkir pusat beli-belah di Kuala Lumpur kelmarin bukan disebabkan koronavirus.

Beliau berkata, remaja berusia 17 tahun yang ditempatkan di wad isolasi HKL itu telahpun dibenar pulang.

Kelmarin, tular di media sosial sekeping gambar sepasukan anggota Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan anggota polis berada di lokasi tersebut.

Remaja itu dipercayai pesang dan dibawa ke Pusat Perubatan Menara Berkembar KLCC sebelum ambulans HKL dikejarkan untuk mengambil pesakit itu.

Sementara itu, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dalam kenyataannya menafikan insiden berkenaan berlaku di fasilitinya.

Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Pusat Konvensyen Kuala Lumpur berkata, akronim KLCC yang dilaporkan bukan merujuk kepada pusat pameran dan konvensyen tersebut.

"Akronim KLCC yang digunakan bukan merujuk kepada pusat konvensyen, sebaliknya di KLCC (Kuala Lumpur City Centre)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pastikan kebersihan tempat pengangkutan awam.

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan kesemua operator pengangkutan awam untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan meningkatkan tahap kebersihan bagi mencegah penularan wabak koronavirus, kata Menteriinya, Anthony Loke Siew Fook.

Beliau berkata, dalam mesyuarat pasca Kabinet kelmarin, semua agensi di bawah kementerinya telah diarahkan untuk menyediakan cecair pembasmi kuman tangan selain memastikan kebersihan tempat pengangkutan awam sentiasa terjaga.

"Semua pihak ada tanggungjawab dalam mencegah koronavirus. Setakat

ini Kementerian Pengangkutan mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra Tahun Baru Cina dan perhimpunan bulanan kementerian di sini semalam.

Menurutnya, terminal pengangkutan awam yang dikendalikan pihak swasta juga disarankan mengambil langkah yang sama sementara di lapangan terbang langkah meningkatkan kebersihan sudah diambil.

Sehingga Khamis, jumlah keseluruhan kes positif koronavirus di Malaysia ialah 14 kes melibatkan 10 warganegara China dan empat rakyat tempatan. - *Bernama*

## Malaysia tidak berdepan risiko kemelesetan

**PUTRAJAYA** - Menteri Kewangan, Lim Guan Eng menegaskan, pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi yang bakal dilancarkan nanti bukan bermakna negara berisiko berdepan kemelesetan ekonomi.

Jelasnya, cadangan yang ingin dilaksanakan itu hanyalah bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan.

"Kami akan buat pengumuman (pelancaran pakej rangsangan ekonomi) dalam masa terdekat nanti.

"Saya perlu rujuk kepada Kabinet dulu," katanya pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Projek Yang Baharu Bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesediaan kerajaan untuk menimbang pakej rangsangan ekonomi susulan krisis wabak

**Kami akan buat pengumuman (pelancaran pakej rangsangan ekonomi) dalam masa terdekat nanti."**

koronavirus yang memberi kesan kepada banyak negara termasuk Malaysia.

Mengulas lanjut Guan Eng berkata, kerajaan juga akan memanggil pemegang taruh khususnya bagi sektor yang terjejas secara langsung.

"Kami akan buat dalam tempoh masa terdekat, notis akan dihantar dan dikeluarkan.

"Tapi kami nak dapatkan input daripada sektor yang terjejas paling teruk," katanya.



FOTO: MOHD USOP HOSU

**KLICK**

PROGRAM Wacana Sinar Hariani Siri 155 yang membincangkan tajuk Koronavirus: Adakah Kita Lambat Bertindak? menampilkan (dari kiri) Sayed Munawwar Sayed Mohd Mustar sebagai moderator dan panelis iaitu Ketua Pegawai Pematuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Zulkarnain Mohd Yasin; Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrohi Buang dan Doktor Kesihatan Profesional (MBBS), Dr Noordin Darus. Program berlangsung di Kompleks Karangraif, Shah Alam malam tadi.

>> Ikuti laporan penuh dalam akhbar Sinar Hariani esok

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 14  
 RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA



**KLIK**

SEMBUH | Individu pertama dijangkiti koronavirus di Thailand, Jaimuay Sae-Ung, 73, kini bebas daripada penyakit itu. Wanita tersebut jatuh sakit selepas berkunjung ke Wuhan pada Disember lalu dan dirawat selama sembilan hari di Hospital Nakhon Pathom. Menurut doktor, mereka hanya merawat simptom penyakit yang dialaminya dan tidak menggunakan sebarang ubat antiviral. - Agensi

## WHO siasat kes jangkitan di mesyuarat Singapura

SINGAPURA - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melancarkan siasatan selepas tiga warga asing yang merupakan kakitangan syarikat multinasional yang menghadiri mesyuarat di Singapura dijangkiti koronavirus.

"WHO membuat penyelarasan dengan kementerian kesihatan berkaitan berhubung kes itu. Memandangkan negara kini meningkatkan pengawasan, kami menjangkakan lebih banyak kes penyebaran lokal akan direkodkan," kata jurucakap agensi itu, Olivia Lawe-Davies.

Malaysia dan Korea Selatan telah mengesahkan tiga kes jangkitan wabak itu selepas mereka menyertai mesyuarat yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt pada pertengahan bulan lalu.

Lewat kelmarin, Singapura mengesahkan empat lagi individu menunjukkan simptom jangkitan.

Pihak berkuasa bagaimanapun tidak mendedahkan nama syarikat tersebut atau jenis perniagaan yang dikendalikan oleh mereka. - Agensi



Hotel Grand Hyatt itu mengesahkan mereka telah melakukan langkah pembersihan dan sanitasi menyeluruh di bilik tetamu yang berpotensi terjejas dalam kejadian itu.

AKHBAR : THE SUN  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

theSUN ON FRIDAY | FEBRUARY 7, 2020 3

NEWS WITHOUT BORDERS

# First local transmission case

➤ Malaysian who was infected while in Singapore passes virus to sister

BY CINDI LOO  
 newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** The first Malaysian to be infected by the 2019 novel coronavirus (2019-nCoV) has apparently passed it on to his sister, making it not only the first local human-to-human transmission but also the first case between siblings.

The man had been infected when visiting Singapore last month. He returned to Malaysia on Jan 23 and later caught up with his 40-year-old sister in Sungai Petani where they spent the Chinese New Year holidays.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the woman developed a fever and

sore throat on Feb 1 and began coughing on Feb 4, so sought treatment at a private clinic.

"After it was confirmed that her brother had been infected, the district health office began to trace his movements over the previous days to determine the occasions when he had direct contact with members of his family," he said at a press conference yesterday.

Saliva swabs taken from other members of the family turned out negative.

The woman is now in an isolation ward at Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star. She is reported to be in stable condition.

Dzulkefly said the woman has never travelled to China.

Apart from the woman, the Health

Ministry's Crisis Preparedness and Response Centre has identified another case, a Chinese national from Wuhan, the epicentre of the outbreak. The 37-year-old woman arrived in Malaysia with her mother and three friends on Jan 25. They had visited several tourist spots in Kuala Lumpur.

Dzulkefly said she developed a slight fever and was given outpatient treatment at Hospital Kuala Lumpur, but on Feb 5, tests conducted on her turned out positive. She was then sent to an isolation ward.

Meanwhile, other members of her entourage have been instructed not to go anywhere.

This brings the total number of cases in Malaysia to 14.

Dzulkefly said it is quite unlikely to get infected if one stays at least a metre away from an infected person. "The droplets from a cough or sneeze are the cause of transmission for the spread of the coronavirus."



Workers packing face masks at the Cross Protection (M) Sdn Bhd factory in Meru, Klang yesterday. The plant has been instructed to boost production from 400,000 pieces to 500,000 a day to meet increased demand.  
 —BERNAMAPIX

## GM Klang denies infection at its wholesale mart

**SHAH ALAM:** GM Klang wholesale city management denied any existence of the 2019 novel coronavirus infection at its shopping mall as viral on social media.

A statement issued by its Corporate Communications and Public Relations Department yesterday stated the rumour was believed to have been triggered following an announcement by the customer service division, which advised its patrons to take preventive measures, as recommended by the Ministry of Health, against the disease.

"The good intention was misunderstood by some who thought the announcement was made because of a coronavirus case in GM Klang.

"The false information that was created and

disseminated by irresponsible parties has caused anxiety and fear among many people."

It said the management viewed the dissemination of such false information seriously as it has tarnished its credibility and disrupted business activities at the mall.

It said a report has been lodged with the Malaysian Communications and Multimedia Commission for action to be taken against those responsible for spreading the fake news.

"We urge members of the public to exercise good judgment and caution prior to sharing any information that has not been verified."

Meanwhile, the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs announced that it will take action against traders making

unreasonable profits due to the virus outbreak.

Since Jan 25, the ministry's enforcement team had been conducting spot checks on premises selling face masks, including pharmacies, vendors and manufacturers.

The ministry's deputy secretary-general Dr Alauddin Sidal said since the start of the operations his officers had meted out compound fines amounting to RM21,700, charged nine businesses according to the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011, inspected 1,314 premises nationwide and confiscated face masks valued at RM3,475.

In Johor, two pharmacies located in Kulai and Johor Baru were slapped with compound fines and charged under Section 11 of the same Act. —Bernama

AKHBAR : NEWS STRAIT TIMES

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : NEW/NATION

14 CONFIRMED CASES

# FIRST HUMAN-TO-HUMAN TRANSMISSION CONFIRMED

Victim is sister of first Malaysian who tested positive for coronavirus, says Health Ministry

HANA NAZ HARUN  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA recorded its first human-to-human transmission of the novel coronavirus (2019-nCoV) case yesterday, bringing the number of confirmed cases to 14.

The Health Ministry, in describing the "first Malaysian locally transmitted case", said the victim was a 40-year-old local woman, the sister of the first Malaysian who tested positive for the virus on Feb 3.

The woman was one of the two

new cases announced by the ministry yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yesterday said the victim attended a family Chinese New Year celebration on Jan 23.

"She developed a fever and sore throat on Feb 1 and started coughing on Feb 4. She sought treatment at a private clinic.

"Once her brother's case was confirmed, she was traced by officers from the Kuala Muda District Health Office in Kedah."

He said the woman had no recent travel history to China. The rest of her family members tested negative for the virus.

The woman, he said, had been admitted to an isolation ward at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star, where she was in stable condition.

Her brother was placed in an isolation ward at Sungai Buloh Hospital after testing positive for the virus on Feb 3.

He returned from Singapore on Jan 23 after attending a meeting,



which was also attended by a delegation from China.

Dr Dzulkefly said the ministry had traced 42 people who had direct contact with the 41-year-old man.

From the total, 41 tested negative for the virus.

Apart from the brother and sister, the two other Malaysians who tested positive for the virus were a father-and-son pair who returned from Wuhan, China, earlier this week. They are being treated at Tuanku Ja'afar Hospital in Seremban.

Another new case involved a 35-year-old Chinese tourist from Wuhan, China, who arrived in

AKHBAR : NEWS STRAIT TIMES

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : NEW/NATION



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (right) speaking at a press conference in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIX

Malaysia with her mother and three friends on Jan 25.

Dr Dzulkefly said the woman had visited several tourist sites in Kuala Lumpur and sought treatment at Kuala Lumpur Hospital (KLH) when she developed a low-grade fever on Feb 1.

"The doctor who treated her allowed her to go home. She was given medicine to treat her symptoms.

"The group was instructed not to go out. District health officers later found that the woman was still symptomatic and she was referred to KLH.

"On Feb 5, she tested positive for the 2019-nCoV. She is in KLH's isolation ward and is stable."

To date, four Malaysians tested positive for the virus. The remaining 10 involved Chinese nationals.

One of them, a girl, 4, has recovered.

Dr Dzulkefly commented on the case of a 17-year-old Canadian, who had collapsed in the city centre and was suspected of contracting by the virus.

He said the teen tested negative for the 2019-nCoV and had since been discharged from hospital.

He said Malaysia remained in the containment stage.

He said those who were told to self-quarantine must adhere to instructions.

Ahead of the Thaipusam celebration on Saturday, he advised all devotees and visitors to Batu Caves to take precautionary measures and prioritise personal hygiene by washing their hands frequently with water and soap or hand sanitiser, as well as wearing face masks.

"Selayang Hospital will help prevent, contain and respond to any possible incident."



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

# First local transmission detected

Malaysian woman and tourist from Wuhan bring confirmed cases to 14

**PUTRAJAYA:** A Malaysian woman who is the first case of local transmission and another woman from Wuhan, China, are the two latest positive cases of the novel coronavirus.

It brings the number of coronavirus positive cases in Malaysia to 14, comprising 10 Chinese nationals and four Malaysians.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said for the first local transmission case, the 40-year-old woman who had no history of visiting China, was a younger sister of the local man who tested positive last Tuesday.

He said the woman had direct contact with her brother when he returned to his village in Sungai Petani, Kedah, for the Chinese New Year celebrations.

"She developed fever and sore throat on Feb 1, and started coughing on Tuesday.

"As soon as her brother was found to be positive, she was traced by the Health Ministry.

"She sought treatment and tested positive on Wednesday.

"Currently, she is at the isolation ward at Hospital Sultanah Bahiyah in Alor Setar and is in a stable condition," Dzulkefly said at a press conference here.

Her husband and two teenage sons have tested negative for the coronavirus.

Meanwhile, contact tracing for her brother remains ongoing, as the ministry searches for more people who came into close contact with him over the past few days.

"We have already reached out to 42 individuals so far and taken sam-



**Better to be safe:** Many in public are being cautious of the novel coronavirus threat and can be seen wearing face masks while going about their daily lives. — Bernama

ples from them.

"Out of 42, 41 have tested negative for the virus, with the sole positive case being the man's sister."

Dzulkefly also said that rumours that the man had also been to Kelantan for the Chinese New Year celebrations were untrue.

The man did not travel to China recently. However, he had a recent

business meeting in Singapore which was attended by delegates from China.

Meanwhile, the other new positive case is a tourist from Wuhan who arrived in Malaysia on Jan 25 with her mother and three friends.

"She developed symptoms on Feb 1, and went to seek treatment at the Kuala Lumpur Hospital. The doctor

instructed her to undergo home surveillance.

"However, daily checks by health officials saw that she still remained symptomatic, and was subsequently admitted to the Kuala Lumpur Hospital on Wednesday.

"She tested positive for the coronavirus on the same day and is currently placed in an isolation



ward," said Dzulkefly.

He explained that the novel coronavirus could only be spread to those who are in close proximity with those infected.

"This coronavirus is transmitted through droplets. This can be spread when the infected person sneezes or coughs.

"If you touch a surface which contains the infected droplet, and then you touch your face, you could contract the virus.

"But the droplets can only travel at most, a metre away from the person who emits them.

"If you are in the same room with an infected person, but the person does not emit droplets, the virus cannot infect you," Dzulkefly said.

He advised those who are ill to stay away from attending gatherings during Thaipusam.

"For those who are attending the celebrations, please observe precautionary measures such as wearing face masks and constantly washing hands with soap and sanitisers."

Watch the video  
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)

